


Mahathir kesal

U.M 26 OCT 1993

Overseas - trips



Mesyuarat Ketua-Ketua
Kerajaan Komanwel
CHOGM KE-29
di CYPRUS



Daripada AZIZ ISHAK

LIMASSOL (CYPRUS) 25 Okt. — Malaysia kesal terhadap amalan berat sebelah dalam menerima pandangan negara-negara anggota pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini, yang berakhir hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan,

masih wujud kecenderungan untuk menerima pandangan dari negara yang dianggap 'kawan' dan menolak pandangan negara 'lawan'.

Katanya, ini bermakna kata sepakat yang dicapai oleh Komanwel mengenai sesetengah perkara dipengaruhi oleh amalan berat sebelah itu sedangkan ia tidak sepatutnya berla-

ku dalam Komanwel yang mendakwa semakin adil dan bersatu.

Sebagai contoh kata Dr. Mahathir, ialah soal pencerobohan dan keganasan di Bosnia-Herzegovina diabaikan oleh sebahagian negara yang pada masa yang sama mahu pencerobohan di satu negara lain ditamatkan segera.

Konsensus

Beliau berkata, sebagai anggota Komanwel, Malaysia terpaksa menerima 'konsensus yang dicapai'.

"Harap pandangan kita akan dikemukakan di tempat yang lain," katanya kepada para warta-

wan Malaysia yang meminta Perdana Menteri merumuskan sidang kemuncak CHOGM kali ini, sebelum beliau berlepas pulang ke tanahair tengah hari ini.

Serentak dengan itu Perdana Menteri berkata, beliau sendiri terhadap agak dukacita terhadap pencapaian sidang CHOGM kali ini.

"Menurut beliau, pandangan negara-negara anggota berbeza-beza halnya kerana mengikut siapa kawan dan lawan," katanya.

Walaupun tidak menyatakannya, Perdana Menteri merujuk kepada

pencapaian CHOGM

sikap tuan rumah Cyprus, yang mendesak negara-negara lain supaya mengambil pendirian yang sama dengan negara itu terhadap isu pencerobohan tentera Turki ke atas sebahagian wilayah Cyprus.

Difahamkan, sikap Cyprus serta sokongan dari 'negara-negara kawan' menyebabkan isu pencerobohan Cyprus begitu mendapat perhatian dan turut terkandung dalam perkara utama dalam Pernyataan Bersama.

Malah *Utusan* juga difahamkan, sebahagian negara khususnya dari benua Afrika tidak lang-

sung mahu memberikan sokongan ke atas pandangan Malaysia supaya Komanwel memainkan peranan atau sekurang-kurangnya memberikan pernyataan kuat terhadap perlunya penyelesaian segera krisis Bosnia.

Panas

Menurut seorang pegawai Wisma Putra, Malaysia telah 'habis-habisan' membangkitkan soal Bosnia sehingga perbincangan menjadi panas dan berlarutan berjam-jam kerana terdapat negara yang mahu tumpuan diberi kepada isu Cyprus.

Bagaimanapun soal

Bosnia turut terkandung dalam Pernyataan Bersama CHOGM, itupun setelah didesak kuat oleh Malaysia, Bangladesh dan Pakistan serta menerima kerjasama dari pegawai-pegawai Britain.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, apa yang menyedihkan ialah soal penghapusan etnik di Bosnia-Herzegovina agak dipandang sepi sedangkan negara tertentu mendesak supaya masalah pencerobohan wilayah lain diberi perhatian serius.

"Di satu tempat kita kata askar asing perlu keluar dan wilayah mesti

dikembalikan tetapi tempat lain kita tidak begitu ditekankan," ujar beliau.

Sementara itu ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Britain bahawa negara itu sudah mengambil langkah cukup dalam menamatkan krisis Bosnia, Perdana Menteri berkata, Britain masih boleh mengambil tindakan tertentu.

"Saya yakin kalau ini melibatkan negara anggota NATO, mereka tidak akan kata bahawa sudah lewat untuk mengambil tindakan," katanya. — *Utusan*.